

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Komplikasi lebih serius jika pesakit obesiti, perokok

Risiko individu berdepan jangkitan kuman berlipat ganda berbanding radang paru-paru

Putrajaya: Pesakit positif COVID-19 dalam kalangan warga emas dan perokok serta individu obesiti, berdepan risiko komplikasi kesihatan lebih serius, jika gagal mendapatkan rawatan segera.

Rumusan itu hasil siasatan Jawatankuasa Khas Audit Kematiatan COVID-19 yang ditubuhkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneliti kes kematiatan mangsa pandemik itu di negara ini sejak akhir Mac lalu.

Berdasarkan audit, individu yang mempunyai rekod penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti obesiti atau kegemukan dan perokok tegar berdepan risiko komplikasi jangkitan kuman berlipat kali ganda berbanding sekadar radang paru-paru seperti pesakit COVID-19 lain.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pesakit yang ada NCD,

perlu tampil segera mendapatkan rawatan kerana ia antara punca dikenali pasti mencetuskan komplikasi kesihatan lebih dahsyat.

"Bukan sekadar radang paru-paru, malah kepekatan darah mereka meningkat, dinding salur darah rosak dan berisiko mencetuskan penyakit jantung atau strok, bergantung kepada di mana pembekuan darah itu berlaku," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kajian terhadap 99 daripada 105 kematiian yang berlaku di negara ini, mendapati warga emas agak terjejas akibat COVID-19 dengan kes jangkitan dan kematiian berkaitan pandemik dengan lebih 51 peratus daripada kumpulan usia 60 tahun ke atas.

Katanya, warga emas adalah kumpulan berisiko tinggi mendapat komplikasi dan kematiian akibat jangkitan COVID-19 kerana

faktor umur dan juga penyakit kronik.

"Ini satu isu global dihadapi negara yang terjejas wabak ini. Walaupun belum memahami sepenuhnya jangkitan COVID-19, apa yang jelas risiko jangkitan meningkat mengikut usia dan individu yang mempunyai penyakit kronik atau tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, penyakit buah pinggang dan barah," katanya.

Beliau berkata, susulan itu, KKM akan melancarkan saringan secara berfasa, dimulakan dengan 17 Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan, di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Seterusnya saringan akan dijalankan terhadap 357 pusat jagaan berdaftar mengikut Akta 506 dan 26 pusat jagaan berdaftar mengikut Akta 586," katanya.

Beliau berkata, dua kematiian yang dicatatkan semalam juga



Bukan sekadar radang paru-paru, malah kepekatan darah mereka meningkat, dinding salur darah rosak dan berisiko mencetuskan penyakit jantung atau strok.

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**

membabitkan warga emas berusia lebih 61 tahun, menjadikan kes kumulatif kini sebanyak 105 kes atau 1.66 peratus daripada keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-104 membabitkan lelaki tempatan berusia 82 tahun dengan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit jantung yang meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh (HSB) pada jam 6.29 petang kelmarin.

Katanya, kes kematiian ke-105 membabitkan lelaki warga tempatan berusia 64 tahun dengan latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang, meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban jam 9.46 pagi.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, ada hampir atau lebih 1,000 pusat jagaan warga emas swasta tidak berdaftar mengikut mana-mana akta.

Beliau menyaranakan pihak Pejabat Kesihatan Daerah, mengenali pasti pusat jagaan warga emas swasta, termasuk institusi pondok agama di daerah masing-masing, justeru pengusaha pusat jagaan swasta digalak berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah terdekat.

Berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula hari ini, beliau mensahsih warga emas terus mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengelak keluar rumah, kecuali untuk urusan penting saja.

Kadar jangkitan terus menyusut jika patuh prosedur PKPB

Putrajaya: Peningkatan 'R naught' atau kadar kebolehjangkitan COVID-19 pada masa akan datang, bergantung kepada tindakan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menyifatkan kadar kebolehjangkitan yang ketika ini berada antara 0.6 hingga 0.8 adalah dalam keadaan terkawal, sekali gus mengurangkan risiko penularan COVID-19.

Katanya, kementerian mengurangkan kadar itu berupaya terus menyusut sekiranya masyarakat bersama kerajaan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat sepanjang penguatkuasaan PKPB.

"R naught ini akan naik dan

turun, bergantung kepada sama ada kita terus laksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau keputuhan SOP tidak dilakukan sebaik mungkin.

"Kalau ramai yang masih keluar dari rumah, risiko jangkitan dan R naught ini boleh meningkat.

"Jadi kita kena lihat pada dua kaedah, sama ada melaksanakan PKP atau PKPB, dan sekiranya wujud jangkitan di satu-satu kawasan, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, laporan boleh dikemukakan kepada polis dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) sekiranya wujud premis perniagaan, syarikat atau kelompok individu yang didapati tidak mematuhi SOP KKM sepanjang PKPB.

"Polis kemudian akan siasat



Anggota Polis Diraja Malaysia bersama anggota Jabatan Sukarelawan Rakyat (RELA) mempertingkatkan pemeriksaan terhadap pengguna jalan raya di Jalan Tarah Merah-Pendang, Kedah, semalam. (Foto BERNAMA)

dan kita bakal laksanakan tinjakan sewajarnya, sama ada sekadar nasihat atau menutup premis berkenaan.

"Kita perlu jelas bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih diamalkan, cuma sekarang ini keloggaran bersyarat diberikan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor His-

ham berkata, KKM masih menyiasat punca jangkitan 28 warga asing yang mencetuskan kejadian kluster baru di kawasan pembinaan, dekat Kuala Lumpur.

Katanya, siasatan kini giat dijalankan, namun penelitian awal mendapati ia berkemungkinan bermula daripada kedi-

aman pelajar di tapak pembinaan terbabit.

"Kalau nak kata kluster tabligh, ia sudah lama. Justeru kita tengok juga kemungkinan lain seperti kluster pasar borong dan Kampung Baru.

"Setakat ini, kita tiada bukti kukuh untuk mengaitkan kewujudan kluster baru ini (kluster

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pesakit stabil bertukar kritikal sekelip mata

Pakar anestesiologi kongsi saat cemas pasukan sukarelawan di wad ICU

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_no@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang pakar anestesiologi sebuah hospital swasta di sini, berkongsi pengalaman mencemaskan pasukan sukarelawan disertainya dalam usaha menstabilkan seorang pesakit COVID-19 yang pada mulanya stabil, namun bertukar kritikal secara tiba-tiba selama hampir 24 jam.

Dr Mafeitzera Mamat, ketika itu menyahut seruan Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai sukarelawan barisan hadapan yang ditugaskan di wad unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sungai Buloh, Selangor, dari 6 hingga 26 April lalu.

Berkongsi pengalaman itu, Dr Mafeitzera berkata, ketika bertugas giliran pagi di wad ICU itu, seorang pesakit yang menggunakan ventilator (alat bantuan pernafasan) tiba-tiba berubah dari keadaan yang stabil kepada kritis dalam sekelip mata.

Katanya, kandungan oksigen dalam badan pesakit berkenaan didapati turun secara mendadak.

"Kebanyakan pesakit dijangkiti COVID-19 akan menghasilkan kahak yang pekat dan ini penyebab utama untuk tiub pernafasan tersumbat."

"Namun, untuk pesakit ini, itu bukan penyebabnya walaupun kami sudah menukar tiub digunakan."

"Pesakit itu seterusnya diantar dengan pantas untuk pengimbasan tomografi berkomputer (CT Scan) paru-paru kerana kami perlui menentukan sama ada terdapat darah beku di salurran paru-paru Pulmonary Embolism kerana ia boleh membawa maut."

"Bagaimanapun, itu juga bukan penyebabnya dan kandungan oksigen pesakit itu masih berterusan rendah," katanya yang sering tampil menjadi sukarelawan perubatan di dalam dan luar negara.

Dalam keadaan mencemaskan itu, Dr Mafeitzera berkata, pasukan kesihatan membabitkan doktor, jururawat terlatih ICU dan pembantu pegawai perubatan bertugas kemudian bersama-sama mengubah pesakit ke posisi memiarap, satu terapi yang perlu dilakukan ketika paru-paru dalam keadaan ARDS (Acute Respiratory Distress Syndrome).

"Ia bukan mudah kerana kami melakukannya dengan keadaan pesakit dalam koma di samping memastikan semua alatan seperti wayar pemantauan masih berfungsi."

"Alhamdulillah, rawatan itu berhasil memulihkan kandungan oksigen pesakit di mana kami merawatnya sepanjang awal pagi hingga subuh keesokannya bagi memulihkan keadaan mangsa," katanya yang turut meminat sukan lasak dan aktiviti mencabar.

Mengulas lanjut, Dr Mafeitzera berkata, pesakit COVID-19 yang sangat kritikal kebanyakannya akan mengambil alih fungsi badan mereka ketika memerangi virus COVID-19.

"Tugas kami adalah untuk merawat dan memantau keadaan mereka pada setiap masa di ICU berikutnya hampir semua pesakit mempunyai penyakit tidak ber-

Kebanyakan pesakit dijangkiti COVID-19 akan menghasilkan kahak yang pekat dan ini penyebab utama untuk tiub pernafasan tersumbat.

**Dr Mafeitzera Mamat,
Pakar anestesiologi**

perhatian selama beberapa hari sebelum diantar semula ke wad biasa," katanya.

Beliau berkata, pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke ICU adalah pesakit kategori 4 dan 5 di mana mereka dalam keadaan yang kritikal dan memerlukan oksigen dengan adi di antara mereka yang memerlukan alat bantu pernafasan.

Katanya, pesakit yang memerlukan ventilator akan dikomakan sepanjang rawatan dan secara tidak langsung pasukan kesihatan akan mengambil alih fungsi badan mereka ketika memerangi virus COVID-19.

"Tugas kami adalah untuk merawat dan memantau keadaan mereka pada setiap masa di ICU berikutnya hampir semua pesakit mempunyai penyakit tidak ber-

jangkit seperti darah tinggi, sakit jantung dan kencing manis dan virus COVID-19 ternyata menerukkan keadaan penyakit pesakit."

"Pada saat kritis ini, sistem pertahanan badan pesakit menjadi sangat lemah dan terdedah kepada jangkitan kuman bakteria nosokomial di ICU," katanya.

Beliau berkata, apabila pesakit menunjukkan tanda sembuh, ubatan koma akan dikurangkan dan rawatan ventilator mungkin tidak diperlukan lagi.

Walaupun demikian, pesakit COVID-19 yang baru sembuh ini perlu dipantau rapi kerana terdapat banyak komplikasi yang boleh berlaku sekelip mata yang menyebabkan pesakit perlu dikomakan semula untuk rawatan pernafasan.

Strategi derma darah waktu malam dapat sambutan

Kuala Terengganu: Langkah Hospital Sultan Nur Zahirah (HSNZ) mengubah strategi kempen derma darah ke waktu malam pada Ramadan serta dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapat sambutan menggalakkan.

Ketua Unit Transfusi Darah HSNZ, Dr Mohd Muhammin Kamali, berkata pihaknya membuat daftaran secara dalam talian kmereka yang mahu mendarah dan buat permulaan itu diadakan di HSNZ tujuh hari bermula hari ini.

"Walau Ramadhan, program tetap diadakan pada malam, namun sambutan masih galakkan. Kita kucur arah setiap hari. Setelah program kelulusan Majlis Khairiah (MKN) untuk waktu malam, jumlahnya pada 20 hingga sehari," katanya.

Beliau berkata, larangan menukar solat berjemaah di masjid sepanjang tempoh PKP memberi kesan terhadap program menderma darah pada Ramadan kerana biasanya kempen itu diadakan di masjid selepas menukar solat sunat tarawih.

Dr Mohd Muhammin berkata, HSNZ menyasarkan 300 orang akan tampil mendarah darah selepas program itu diperluas ke klinik kesihatan daerah berhampiran mulai Rabu depan dan mereka yang berminat boleh mendaftar di laman Facebook 'Derma Darah Terengganu Kite'.

"Sudah ramai yang mendaftar secara dalam talian. Insya-Allah harapan kita untuk mengumpul bekalan mencukupi tercapai," katanya.

Sementara itu, kebanyakan penderma darah yang ditemui mengakui berasa lega selepas diberi kelonggaran untuk datang ke hospital pada waktu malam dan diberi surat kebenaran khas un-



Dr Mohd Muhammin (kanan) beramah mesra dengan penderma darah, Mohd Masrul Ibrahim di HSNZ, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

tuk makluman anggota keselamatan yang bertugas di sekitar jalan raya.

Zulkifli Ab Rani, 59, berkata beliau mahu mendarma darah sejak berusia 20-an dan sudah menjadi rutinnya mendarma darah selepas menukar solat tarawih di masjid berhampiran rumahnya.

"Niat saya ingin membantu seperti mangsa kermalangan, pesakit memerlukan pembedahan kecemasan, ibu bersalin yang tumpah darah atau sesiapa sahaja boleh diselamatkan nyawa mereka."

"Jadi, saya fikir apa salahnya datang sekejap ke hospital untuk derma darah pada waktu malam, masa yang diambil juga tidak lama," katanya.

Bagi Ahmad Syahmi Md Said, 26, pula, beliau mahu memanfaat usia muda untuk berbakti kepada masyarakat mengikut kemampuan dengan dengan mendarma darah secara teratur seperti disarankan Kementerian Kesihatan. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12A

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohamed
Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Pakar anestesiologi di sebuah hospital swasta Johor Bahru berkongsi pengalaman mencegah pasukan kesihatan menstabilkan seorang pesakit Covid-19 yang pada mulanya stabil namun menjadi kritis secara tiba-tiba selama hampir 24 jam.

Dr Mafeitzeral Mamat ketika itu menyahut seruan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai sukarelawan barisan hadapan yang ditugaskan di wad unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sungai Buloh, Selangor dari 6 hingga 26 April lalu.

Menceritakan pengalamannya, Dr Mafeitzeral berkata, ketika bertugas giliran pagi di wad ICU itu, seorang pesakit yang menggunakan ventilator (alat bantuan pernafasan) tiba-tiba berubah dari keadaan yang stabil kepada kritis dalam sekilip mata.

Katanya, kandungan oksigen dalam badan pesakit berkenaan didapati turun secara mendadak.

"Kebanyakan pesakit di-



DR Mafeitzeral (berdiri kiri sekali) sukarelawan barisan hadapan bersama rakan setugasnya di Hospital Sungai Buloh, Selangor.

**PANDEMIK
COVID-19**

Posisi penyelamat

Doktor pakar cerita situasi cemas stabilkan pesakit Covid-19

jangkiti Covid-19 akan menghasilkan kahak yang pekat dan inilah penyebab utama untuk tiub pernafasan tersumbat.

"Namun untuk pesakit ini, itu bukan penyebabnya walaupun kami sudah menukar tiub yang digunakan.

"Pesakit itu seterusnya dihantar dengan pantas untuk pengimbasan tomografi berkomputer (CT Scan) paru-paru kerana kami perlukan menentukan sama ada ada darah beku di saluran paru-paru *Pulmonary Embo-*

lism kerana ia boleh membawa maut. Bagaimanapun, itu juga bukanlah penyebabnya dan kandungan oksigen pesakit itu masih berterusan rendah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam keadaan mencegah pasukan kesihatan membabitkan doktor, jururawat terlatih ICU dan pembantu pegawai perubatan bertugas bersama-sama mengubah pesakit ke posisi me-niarap, sa-tu terapi yang perlu dilakukan ketika pa-

sukan kesihatan ru-paru dalam keadaan ARDS (*Acute Respiratory Distress Syndrome*). "Ia bukan mudah kerana kami melakukannya dengan keadaan pesakit dalam koma di samping memastikan semua alatan seperti wayar pemantauan masih berfungsi.

"Alhamdulillah, rawatan itu berhasil memulihkan kandungan oksigen pesakit di mana kami merawatnya sepanjang awal pagi hingga Subuh bagi memulihkan keadaannya," katanya.



DR Mafeitzeral

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

KKM kesan kluster tapak pembinaan KL

Sebanyak 28 kes positif Covid-19 dikesan di kawasan terbabit

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan lagi kluster baharu iaitu di tapak pembinaan Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia selepas 28 kes positif wabak Covid-19 dikesan di kawasan itu.

Menurutnya, KKM masih meneliti punca berlakunya kluster baharu itu dan tidak menolak kemungkinan ia mempunyai kaitan dengan kluster sedia ada.

"Mungkin ada berkaitan kluster perhimpunan Seri Petaling dan ada juga yang berkaitan dengan kluster pasar borong sebab ada

rakan mereka kerja di pasar borong terbabit.

"Ada juga dikaitkan dengan kluster Kampong Bharu. Jadi siasatan masih dijalankan."

"Setakat ini kita tidak dapat bukti yang kukuh untuk kaitkan dengan kluster pasar borong atau Kampong Bharu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kesemua kes positif yang dikesan itu melibatkan bukan warga negara Malaysia.

Sementara itu, jumlah kes baharu positif Covid-19 terus mencatatkan angka tiga digit untuk dua hari berturut-turut selepas 122 kes direkodkan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia ketika melonjak kepada 6,298 kes.



DR NOOR HISHAM

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,780 kes. Mereka telah diaisangkan dan diberi rawatan."

"Ingin dimaklumkan bahawa daripada 122 kes baharu yang dilaporkan, 52 kes adalah kes import. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 70 kes," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat dua kematian baharu dicatatkan semalam menjadikan jumlah kematian di Malaysia adalah sebanyak 105 kes setakat ini.

"KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat 87 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini (semalam)."

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 4,413 kes atau 70 peratus," katanya.

Kumpulan umur 61-70 tahun rekod kematian tertinggi

PUTRAJAYA - Kumpulan umur yang mempunyai bilangan kematian wabak koronavirus (Covid-19) tertinggi di Malaysia adalah antara 61 hingga 70 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, keputusan itu diperoleh melalui hasil kajian kematian ke atas 99 daripada 105 kes kematian yang telah dilaporkan setakat ini.

"Warga emas ialah kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan Covid-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik."

"Ini merupakan satu isu global yang dihadapi oleh negara yang terjejas dengan wabak ini," katanya di sini semalam.

Katanya, kumpulan umur kedua tertinggi yang mengetarkan kematian pula adalah antara 71 sehingga 80 tahun.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga akan menjalankan ujian saringan Covid-19 kepada pekerja dan penghuni pusat jagaan warga emas.


Katanya, saringan itu akan dijalankan secara bersama dimulakan dengan 17 buah Rumah Sri Kenangan dan Rumah Ehsan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Katanya, saringan juga akan dilakukan di 357 buah pusat jagaan yang berdaftar mengikut Akta 506 dan 26 buah *nursing homes* yang berdaftar di bawah Akta 586.

"KKM dimaklumkan bahawa masih terdapat hampir atau lebih 1,000 buah pusat jagaan warga emas swasta yang tidak berdaftar di bawah mana-mana Akta."

"Maka kita akan mengarahkan pihak Pejabat Kesihatan Daerah untuk mengenal pasti pusat jagaan warga emas swasta termasuk institusi pondok agama di daerah masing-masing bagi memastikan liputan saringan Covid-19 adalah menyeluruh," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm May 3, 2020)															
Asean+	Malaysia														
	New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	India	Singapore	Japan	Indonesia	S. Korea	Philippines	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia
Confirmed cases	39,980	18,205	14,571	11,192	10,793	9,223	2,969	270	151	138	122	19			
Deaths	1,323	17	474	845	250	607	54	0	6	1	0	0			
Recovered	10,819	1,347	3,205	1,876	9,183	1,214	2,739	219	37	126	120	9			
Global Top 10	US	Spain	Italy	UK	France	Germany	Russia	Turkey	Brazil	Iran					
Confirmed cases	1,160,840	245,567	209,328	182,260	168,396	164,967	134,687	124,375	97,100	96,448					
Deaths	67,448	25,100	28,710	28,131	24,760	6,812	1,280	3,336	6,761	6,156					
Recovered	173,725	146,233	79,914	N/A	50,562	130,600	16,639	58,259	40,937	77,350					

MCO still on, reminds Health DG

Dr Noor Hisham: Despite loosened restrictions, the public must still follow SOP

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians should not assume that the movement control order (MCO) has ended merely because the government has eased some restrictions from today.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the MCO was still in effect and the authorities were only giving some leeway.

The public, he said, must follow all the standard operating procedure (SOP) issued by the ministry.

"The perception that the MCO is

over is wrong," he said at his press briefing yesterday.

On Friday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin spoke on the easing of restrictions in which a number of activities were allowed to resume today under a conditional MCO.

Noor Hisham said the government was using the World Health Organisation's six criteria in ending a lockdown.

Citing Taiwan and Sweden as examples, he said it was important for the public to practise a high level of compliance and discipline.

"Without a vaccine or any effective treatment, the virus will likely

remain in the community for at least a year or two.

"So we have two methods to contain the spread of Covid-19, which is the MCO or through SOP compliance," he said.

To a question about several states not wanting to follow the conditional MCO set by the Federal Government, he said: "If there are states, companies, businesses or individuals which cannot abide by the SOP, then they can fall back on the MCO."

Dr Noor Hisham said Malaysia recorded a triple digit of new Covid-19 cases for two consecutive days.

Yesterday, there were 122 new

infections, bringing the tally of infections to 6,298. Of the 122 new cases, 70 were local transmissions, while 52 were imported.

There were also two new fatalities as at noon yesterday, bringing the national death toll to 105.

Dr Noor Hisham also said the ministry was planning to conduct Covid-19 screening tests on all staff and residents of old folk homes.

According to him, the highest number of Covid-19 deaths involved people between the ages of 61 and 70, while the second largest age group was between 71 and 80.

Dr Noor Hisham said that screening had already started in 17 senior

care centres under the purview of the Welfare Department.

This would be followed by 357 care centres registered under the Care Centres Act and 26 nursing homes registered under the Private Healthcare Facilities and Services Act.

"The ministry has been informed that there are more than 1,000 senior care centres that are not registered under any Act," he said.

He said the district health departments would identify senior care homes including pondok agama institutions in each district to ensure that the screening would be more comprehensive.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Observe home quarantine order strictly, students told

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Some 7,000 students returning here from Peninsular Malaysia and Sarawak have been told to strictly adhere to home quarantine following a decision to allow them to skip the two-week stay at the state's quarantine centres.

Sabah Health Department director Datuk Christina Rundi said the decision to allow these students to

observe their quarantine at home was due to their large number.

All of them, she said, must undergo Covid-19 testing, including nose and throat swabs, before being allowed to return to their respective hometowns and villages.

However, students returning from overseas would be required to be placed for two weeks at the quarantine centres in the state if they had not already been put under observation in Kuala Lumpur, said Dr Rundi.

"They should have been quarantined in Kuala Lumpur. If they have already undergone quarantine there, there would be no need for them to be quarantined here," she said.

Following the decision to allow students to quarantine themselves at home, Dr Rundi reminded them to follow the order strictly, adding that it would be their responsibility to protect their families.

The responsibility of the state Health Department is to ensure that the spread of Covid-19 is curbed by

putting people from high-risk groups at the quarantine centres.

"Now, the responsibility is with the students to properly observe their respective home quarantine," she said in a statement yesterday.

These students, warned Dr Rundi, could unknowingly be carriers, adding that many might not show any sign of being infected by the virus and this could lead to the disease spreading through the families and community.

"The Covid-19 is a new virus and

cannot be equated with known diseases like dengue," she said.

On Saturday, the state government had decided that these students skip the two-week quarantine centres in view of the large number returning as well as insufficient space.

Since late last week, the state government has been criticised over poor standards at the quarantine centres in Tawau and Kota Kinabalu.

As at Saturday, Sabah has 315 positive Covid-19 cases with four deaths.